

PM kecewa PBB bubar misi Jenin

KUALA LUMPUR 3 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kecewa dengan tindakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang membubarkan misi mencari fakta ke kem pelarian Palestin di Jenin.

Menurut Perdana Menteri, keputusan PBB tersebut memperlihatkan bahawa badan dunia itu sendiri terpaksa tunduk kepada sebuah negara seperti Israel yang sikapnya mengingkari satu dunia.

"Saya sedih pengunduran PBB dalam misi itu yang diisytiharkan oleh Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan. Kalau satu negara Israel boleh mengingkari seluruh dunia, tak gunalah ada PBB," katanya kepada pemberita selepas morasmikan Seminar Pembudayaan ICT Menghadapi Cabaran K-Ekonomi di sini hari ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mencyru negara-negara Islam supaya bersatu dan membulatkan tekad untuk sama-sama menangani masalah yang menimpa bangsa

Palestin itu. Dr. Mahathir mengulas keputusan Annan untuk membubarkan misi pencari fakta selepas Israel berkeras enggan membenarkan pasukan yang dilantik memasuki kawasan mereka.

Pasukan itu ditubuhkan bagi menyiasat pembunuhan dan kemusnahan akibat pencerobohan Israel ke kern pelarian Palestin di Tebing Barat.

Palestin mendakwa tentera Israel melakukan pembunuhan beramai-ramai termasuk kanak-kanak sepanjang menjalankan tindakan ketenteraan di Jenin manakala Israel sebaliknya menyatakan mereka terbunuh dalam pertempuran dengan tentera.

Laporan akhbar hari ini menyebut keputusan membubarkan misi itu telah menimbulkan suasana kelam kabut dalam sesi perbincangan Majlis Keselamatan PBB, semalam. Perwakilan Arab dilaporkan cuba bertegas menerusi satu ketetapan meminta Annan meneruskan misi mencari fakta itu sambil mendesak

Israel supaya memberi kerjasama.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, negara-negara Islam perlu mempunyai persamaan pendapat bagi mencari pendekatan untuk menangani masalah berkenaan.

Perdana Menteri berkata, selagi negara-negara Islam berpecah belah dalam soal tersebut mereka tidak akan dapat menggunakan kekuatan yang ada untuk mcmbanteras keangkuhan Israel.

"Kita dapati walaupun ada mesyuarat negara-negara Islam (OIC) tidak semua (anggota) yang hadir dan tidak ada satu tindakan yang berkesan (diambil dalam isu Palestin)," katanya.

Mengulas pmbebasan Presiden Palestin, Yasser Arafat selepas berada dalam kepungan Israel sejak 3 Disember lalu, Dr. Mahathir berkata, Malaysia mempunyai pendirian melibatkan beberapa isu termasuk mengenai keperlakuan pasukan PBB di Palestin.

Selain itu, katanya.

Malaysia mengharapkan rakyat Palestin tidak diganggu dan mreka yang dahulunya tinggal di Israel perlu dibenarkan pulang ke tempat asalnya.

Semasa Israel ditubuhkan pada tahun 1948, seramai 750,000 rakyat Palestin telah diusir dari tanah mereka dan menjerdi pelarian di negara-negara Arab.

Dr. Mahathir menambah, selain itu tindakan prlu diambil untuk meroboh penempatan yang didirikan secara haram di tanah bawah kawalan Palestin, dan penduduk penempatan itu perlu kembali ke Israel.

Mengenai tindakan undang-undang di bawah Piagam PBB yang boleh diambil terhadap Israel, Dr. Mahathir berkata, tindakan itu boleh diambil sekiranya terdapat penguatkuasaan melalui kekuatan negara-negara yang menyokong PBB.

"Kalau negara yang terkuat mcnyokong PBB tidak mahu mengambil tindakan, secara tidak langsung Israel mempunyai

kuasa ke atas negara itu," katanya. Perdana Menteri juga ditanya sama ada isu Palestin akan disentuh pada pertemuannya dengan Presiden Amerika

Syarikat (AS) George Bush di Washington semasa lawatannya selama tiga hari mulai 13 Mei ini.

Menurut Dr. Mahathir, beliau tidak tahu selama

mana beliau boleh bercakap dalam pertemuan dengan Bush nanti kerana biasanya bila berjumpa pemimpin besar seperti Presiden AS, masa yang

diberikan antara 45 minit dengan satu jam. "Saya tidak tahu setakat mana saya boleh bercakap. Sedikit-sebanyak kita cakaplah," kata beliau.